



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN TRENDS IN
SOCIAL SCIENCES
(IJMTSS)
www.ijmtss.com



**KONSEP DAN FALSAFAH SASTERA ISLAM MENGIKUT
MUHAMMAD BUKHARI LUBIS**

*THE CONCEPT AND PHILOSOPHY OF ISLAMIC LITERATURE ACCORDING TO
MUHAMMAD BUKHARI LUBIS*

Adli Yaacob¹, Aida Hayati Mohd Sanadi²

- ¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.
Email: adlihy@iium.edu.my
- ² Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

Article Info:

Article history:

Received date: 25.10.2021
Revised date: 15.11.2021
Accepted date: 10.12.2021
Published date: 31.12.2021

To cite this document:

Yaacob, A., & Sanadi, A. H. M. (2021). Konsep Dan Falsafah Sastera Islam Mengikut Muhammad Bukhari Lubis. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 4 (18), 100-111.

DOI: 10.35631/IJMTSS.418009

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini secara khusus mendalami konsep sastera Islam yang digagaskan oleh Bukhari Lubis. Menurut beliau, sastera merupakan bahagian dari keindahan dalam Islam dan ianya antara ciri kebudayaan Islami yang dilaksanakan Muslim. Beliau lebih mesra menggunakan terma 'kesusasteraan Islami' untuk merujuk kepada sastera Islam itu sendiri. Beliau menekankan takrif 'Islam' sebelum menghuraikan dengan lebih mendalam tentang konsep kesusasteraan Islami. Kesusasteraan Islami menurut beliau adalah kegiatan bersastera yang tidak terlepas dari nilai dan norma Islam. Beliau bersetuju dengan pendapat Syed Qutb di mana kemuncak pada seni (termasuk sastera) adalah apabila terciptanya kebinaran. Menurut beliau juga kesusasteraan Islam bukanlah karya yang bertujuan untuk berlipur lara atau menghiburkan semata-mata, tetapi ianya perlu diawasi sentiasa, adakah seni itu sebagai matlamat atau sekadar wahana untuk menyampaikan Muslimin ke matlamat yang dibenarkan Islam. Setelah mendalami isi-isi penting dalam polemik sastera Islam antara Shahnun Ahmad dan Kassim Ahmad, Bukhari Lubis merumuskan pembahagian kesusasteraan Islam kepada tiga bahagian. Pertama, Kesusasteraan Islami (KI) iaitu karyawan itu sendiri hendaklah seorang Muslim yang wajib menerima Rukun Iman dan Rukun Islam. Kedua, Kesusasteraan ala-Islami (K-a-I) iaitu terdapat sesetengah karya yang Islami,

¹ Profesor Madya Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemansiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

² Pelajar MA Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

sejajar dengan ajaran Islam, tetapi sasterawannya tidak beragama Islam. Ketiga, Kesusasteraan Muslim (KM) iaitu apabila terdapat sasterawan Muslim yang menghasilkan karya yang bercanggah dengan ajaran Islam. Namun, pelanggaran ini tidaklah sampai merosak akidah pengarang berkenaan.

Kata Kunci:

Kesusasteraan Islami, Kemucak Seni, Kebenaran, Berlipur Lara, Polemik Sastera Islam, Seni Sebagai Matlamat, Kesusasteraan Ala-Islami(K-A-I), Kesusasteraan Muslim (KM)

Abstract:

This study specifically explores the concept of Islamic literature that was initiated by Bukhari Lubis. According to him, literature is part of the beauty in Islam, and it is one of the characteristics of Islamic culture that implemented by Muslims. He also prefers to call Islamic literature as 'Islamist literature'. He also has emphasized the definition of Islam before, and now he has done a depth explanation on the concept of Islamic literature. Based on his perspective, Islamic literature is the activities that are irresistible to Islamic values and norms. He also has agreed with Sayyid Qutb's opinion which highlighted the art of the literature was based on the truth. He also said Islamic literature is not just about entertainment and every literature must be monitored constantly to see either it has the real goal or just want to convey the Muslim. After he has explored the important contents in Islamic literature polemic by Shahnun Ahmad and Kassim Ahmad, Bukhari Lubis has formulated Islamic literature into three parts. First, Islamists Literature (KI) which the writer himself must be a Muslim who is obliged to accept the Pillars of Faith and the Pillars of Islam. Second, the Literature ala-Islamists (K-a-I) which is the writer must write the teaching of Islam, however, the writer is not necessarily a Muslim. Third, the Muslim Literature (KM) is when there is a Muslim poet who produces work that contradicts with the teachings of Islam. However, this violation is not up to corrupt the author's faith.

Keywords:

Islamic Literature, The Highlight of Art, Truth, Solace, Islamic Literature Polemic, Art as A Goal, Literature Ala-Islamists (K-A-I), Muslim Literature (KM)

Pendahuluan

Bukhari Lubis³ (Seterusnya Bukhari) merupakan seorang tokoh dan ilmuwan di Malaysia yang tersohor yang menguasai bidang Kesusasteraan Islami Bandingan (Arab-Parsi-Turki-Melayu).

³ Profesor Dr. Haji **Muhammad Bukhari bin Lubis** juga dikenali Rizi S.S lahir 16 Ogos 1953, di Mekah .Kini menetap di Bandar Baru Bangi, Selangor. Beliau banyak melakukan perbandingan kesusasteraan Sufi Arab, Sufi Parsi, Sufi Turki dan Sufi Melayu. Beliau juga mengusahakan perbandingan bahasa, terjemahan dan kesenian khat. Bermula di Sekolah Kebangsaan Temoh,Temoh, Perak (1960-1965) Kemudian di Madrasah Tarbiah Islamiah Temoh (1962-1965) - pengajaran agama dan bahasa Arab.Seterusnya sekolah menengah di Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh(1966--1970) dan Kolej Islam Klang (1971-1972). Mendapat pendidikan tinggi di Universiti Kebangsaan Malaysia jurusan Pengajian Islam serta Diploma Pendidikan. Kemudian Universiti Nasional Jakarta -bidang bahasa dan sastera Indonesia. Beliau menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana di University of Chicago di Berkeley, Amerika Syarikat (1978-1980). Sekali lagi ke University of California di Berkeley untuk C. Phil dan Ph.D dalam perbandingan sastera Sufi Arab, Sufi Parsi dan Sufi Turki (1984-1989). Beliau menghadiri Kursus Lanjutan Bahasa dan Kebudayaan Parsi di Universiti Mashhad, Iran dan Universiti Bosphorus / Boyaziqi Universiti, Istanbul, Turki mengikuti Kursus Lanjutan tentang bahasa dan kebudayaan Turki (1986).Bekerja

Perbincangan tentang sastra Islam telah mula dibincangkan di kalangan sarjana tempatan. Bagaimanapun perbicaraan mengenai sastra Islam oleh kebanyakan ahli sastra di negara ini sehingga kini tidak menunjukkan perubahan yang besar kehadirannya. Sastra merupakan bahagian dari keindahan dalam Islam, dan hal itu tidak dapat dinafikan. Bukhari menyatakan tidak adanya minat di kalangan kaum tarekat terutama di Malaysia untuk menubuhkan tradisi menulis puisi, khususnya pengagungan pada Tuhan(sufisme). Berbeza dengan masa keemasan Islam pada abad silam yang telah melahirkan beberapa sasterawan, seperti Jalaluddin Ar-Rumi, Syekh Sa'di dan lain-lain, di mana karya mereka telah memberikan sumbangan besar bagi pencerahan spiritualisme. Menurut beliau, hal itu terjadi disebabkan adanya anggapan dari sebahagian umat Islam bahawa sastra itu haram dengan mengaitkan salah satu ayat al-Qur'an yang menyebutkan penyair itu sahabat syaitan. Beliau menyanggah anggapan tersebut, kerana mereka membaca ayat tersebut hanya sepotong, tidak sampai habis. Inilah realiti yang sering terjadi di kalangan sebahagian umat Islam dalam memaknai ayat al-Qur'an. Mereka tidak melihat ayat itu secara menyeluruh. Oleh demikian, penyempitan pemikiran dalam Islam ini menyebabkan zaman keemasan budaya Islam sulit dibangkitkan kembali.

di UKM sebagai tutor di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam (1977). Bertugas sebagai pensyarah (1980-2001) dan sebagai Profesor Madya (1993). Seterusnya sebagai Timbalan Dekan di Fakulti Pengajian Islam ((Januari 1994- Disember 1994)) khusus dalam bidang persidangan dan penyelidikan. Kemujdian beliau berhijrah ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak. Beliau juga menjadi pensyarah sambilan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1983-1984 dan 1990); Universiti Putra Malaysia (1997-2000) dan Kolej Islam Pahang (1997-1999). Sejak 1967, beliau menulis jenaka pendek berbahasa Arab yang tersiar dalam majalah al-Tali'ah, bilangan 2, terbitan Persatuan Bahasa Arab, Sekolah Izzuddin Shah. Pada 1978 beliau meraih tempat kedua dalam Pertandingan Menulis Esei Bahasa Inggeris anjuran Persatuan Bahasa Inggeris di Izzuddin Shah. Di Kolej Islam Kelang, beliau menjuarai Peraduan Menulis Rencana Bahasa Inggeris dan tersiar dalam majalah sekolah 'Restu'. Esecinya "Iliya Abu Madhi" tersiar dalam Dewan Sastra pada Mac 1974. Pelbagai genre yang dihasilkan, termasuklah esei, kritikan sastra, ulasan buku, cerpen, puisi dan terjemahan. Rizi boleh berbahasa Arab, Parsi, Turki dan bahasa Melayu sendiri. Karyanya tersiar dalam Dewan Sastra, Dewan Budaya, Al-Islam, Utusan Qiblat, Jurnal Perisa, Jurnal Dewan Bahasa, Panji Masyarakat, Islamiyyat, Medium, Gombak Review, Pangsura, Mastika, Utusan Zaman, Berita Minggu, Mingguan Malaysia, Sufi (London) dan Hozur (Tehran). Beliau merantau ke Istanbul, Ankara, Erzurum, Tillo dan Bursa (Turki), manakalah ke Masshad dan Tehran (Iran), Jakarta, Bandung, Yogyakarta, Medan, Tano (Indonesia), Kaherah (Mesir) dan beberapa negeri dan daerah di Malaysia. Beliau menyampaikan kertas kerja di pelbagai seminar di Malaysia dan luar negara dalam bahasa Melayu, Inggeris, Arab dan Parsi. Antaranya ialah Qasida Conference anjuran School of Oriental dan African Studies, London (1993); 34th International Congress of Asian and North African Studies (ICANAS) anjuran Universiti Hong Kong (1993), Persidangan Antarabangsa Linguistik Melayu, anjuran Persatuan Linguistik Malaysia (1992); Mu'tamar al-Islam wa al-Thaqafah fi Asiya (Persidangan Islam dan Kebudayaan di Asia) anjuran Persatuan Ahli Sejarah dan Arkeologi Iraq (1994), Nadwah Kesusasteraan Islam anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (1993) dan Multaqa al-Tasawwuf al-Islami al-'Alami (Persidangan Antarabangsa Tasawwuf Islam) anjuran Persatuan Dakwah Islamiah Sedunia Libya (1995). Beliau juga diminta menulis artikel untuk ensiklopedia, antaranya Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu dan Turkiye Diyanet Vakti Islam Ansiklopedisi (Istanbul). Beliau juga merupakan sarjana Malaysia pertama yang artikelnya tersiar dalam ensiklopedia Turki berkenaan dan beliau turut dilantik sebagai penyelarasan entri Islam di Nusantara. Beliau juga boleh menghasilkan seni khat. Pada 22-28 Ogos 1994, beliau mengadakan pameran seni khat koleksinya di Dewan Canselor, Tun Abdul Razak, sempena 20 tahun Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam.

Seorang Muslim dalam menjalankan kegiatan sehariannya, baik dari sudut apa pun, tetap terangkum ke dalam kebudayaan. Antara ciri kebudayaan Islami yang dilaksanakan Muslim adalah bersastra. Keprihatinan kita kepada kesusasteraan Islam dikira dapat membebaskan kita daripada cengkaman kebergantungan terhadap idea-idea kesusasteraan Barat yang acapkali mencuba menguasai segala permasalahan manusia demi mengubah kehidupan umat Islam. Buku Bukhari yang bertajuk “Kesusasteraan Islami Bandingan, Menyingkap Tabir, Mengungkap Fikir” (2017)⁴ menjadi rujukan penting dalam polemik sastra Islam di Malaysia, selain berjaya mengupas secara mendalam kesusasteraan Islam bandingan di kalangan sarjana besar Islam.

Takrif Kesusasteraan Islam Menurut Bukhari Lubis

Sebelum mendalami dengan lebih mendalam takrif kesusasteraan Islam, Bukhari Lubis cuba menghuraikan ringkas mungkin takrif Islam itu sendiri. Takrif Islam di dalam Ensiklopedia Islam adalah sebagai agama samawi yang diturunkan oleh Allah S.W.T melalui utusan-Nya, Muhammad S.A.W. sebagai ajarannya yang terdapat dalam al-Qur'an dan Sunnah dalam bentuk perintah, larangan, dan petunjuk untuk kebaikan manusia, baik di dunia mahupun di akhirat. Intisari Islam itu terangkum dalam kata Islam itu sendiri kerana perkataan itu bererti: (1) berserah diri, menundukkan diri, atau taat patuh sepenuhnya. (2) masuk ke dalam salam, iaitu selamat sejahtera dan damai, hubungan yang harmonis ataupun dalam keadaan tanpa noda dan aib cela. Jadi, intisari Islam ialah berserah diri ataupun taat sepenuh hati kepada Allah demi tercapainya keperibadian yang bersih dari cacat noda, hubungan yang harmonis dan damai sesama manusia, atau selamat sejahtera di dunia dan akhirat⁵.

Kesusasteraan Islam di sini secara mafhumnya memberi maksud kegiatan bersastra yang tidak terlepas dari nilai dan norma Islam. Profesor Muhammad Qutb pernah menghuraikan dengan jitu apabila dia memperkatakan “Seni Islam (termasuklah sastra) ialah seni yang menggambarkan segala kewujudan menurut jurus pandang atau tasawwur Islami. Ia merupakan ungkapan-ungkapan yang indah tentang alam, kehidupan dan insan menurut jurus pandang keislaman terhadap hakikat alam, kehidupan dan insan itu sendiri. Seni Islam ialah seni yang mengundang pertemuan yang menyempurnakan antara keindahan dengan kebenaran. Lantas keindahan merupakan hakikat alam ini tercipta manakala kebenaran menjadi kemuncak keindahan. Dan bertemulah kedua-duanya itu di puncak tempat bersatunya segala hakikat kewujudan ini.”

Menurut Bukhari Lubis, kesusasteraan Islam bukanlah karya yang bertujuan untuk berlipur lara atau menghiburkan semata-mata, atau menimbulkan respons rasa dan kesan yang melanggar garis Syarak dalam Islam. Tetapi, baginya nama *su* dalam perkataan kesusasteraan, iaitu ‘keindahan’ semata-mata, kurang lengkap. Wajar sekali istilah bahasa Arab, *adab*, digunakan (dalam bahasa Parsi digelas *adabiyāt* dan dalam bahasa Turki *edebiyat*). Tanpa memikirkan lanjut, istilah apa yang sepatutnya digunakan, biarlah istilah apapun digunakan, asalkan faham dan gagasannya dihayati sebenar-benarnya, kesusasteraan Islam akan dapat berfungsi dan berlangsung mengikut norma Islam. Islam sememangnya tidak menentang kegiatan kesenian, malah seni adalah fitrah manusia. Cumanya, perkara yang perlu diawasi sentiasa, adakah seni itu sebagai matlamat atau sekadar wahana untuk menyampaikan Muslimin ke matlamat yang

⁴ Utusan Melayu, 29 Oktober 2017, <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastra/gagasan-kesusasteraan-islami-bandingan-profesor-emeritus-dr-bukhari-lubis-1.544598#ixzz5D4N1Y06v>

⁵ Lubis, B., 2017, *Kesusasteraan Islami Bandingan: Menyingkap Tabir Mengungkap Fikir*, Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjong Malim, Perak.

dibenarkan Islam. Oleh sebab kesedaran dalaman bagi sesetengah individu Muslim dan yang berkemampuan, mereka tidak jemu-jemu melontarkan idea untuk mencari rumusan bagaimana acuan dan kerangka kesusasteraan Islam yang sepatutnya.

Dalam perbincangan dan perbincangan yang marak dalam kesusasteraan Melayu (KM) pada tahun 1970-an dan seterusnya, Bukhari Lubis memilih tiga gagasan atau pendekatan dari Malaysia, iaitu “Teori Sastera Islam” oleh Shahnnon Ahmad, “Teori Takmilah” oleh Shafie Abu Bakar, dan “Gagasan Persuratan Baru” oleh Mohd. Affandi Hassan. Setelah meneliti pelbagai gagasan kesusasteraan Islam daripada sasterawan/ahli sastera Melayu, beliau menyimpulkan bahawa ada sesetengah gagasan itu mengemukakan buah fikiran yang pokok-pokok sahaja atau garis besarnya sahaja. Bagaimanapun ada juga gagasan yang diutarakan itu cukup terperinci. Beliau secara peribadi menolak gagasan yang memberikan garis kasar itu, malah beliau mengalu-alukannya kerana sedikit banyak dia memberi galakan kepada satu panduan bersastera yang baik. Beliau tidak terus menolak dengan alasan pandangan yang diutarakan tidak mencukupi syarat untuk membentuk satu-satu teori.

Pembahagian Kesusasteraan Islam

Setelah mendalami isi-isi penting dalam polemik sastera Islam antara Shahnnon Ahmad dan Kassim Ahmad, Bukhari Lubis merumuskan pembahagian kesusasteraan Islam kepada tiga bahagian.

1. Kesusasteraan Islami (KI). Apa yang dipentingkan di sini adalah iltizam teks dan peribadi (*iltizām al-nass wa al-sakhṣīyah*). Maksudnya, yang menjadi syarat pokok dalam kelompok ini ialah si karyawan dan karya itu sendiri. Karyawan itu sendiri hendaklah seorang Muslim yang wajib menerima Rukun Iman dan Rukun Islam. Memang tidak dapat dinafikan kita sebagai manusia biasa terbatas untuk menilai sama ada seseorang karyawan itu beriman sepenuhnya atau tidak, Namun, selagi mana karya yang dihasilkan oleh seseorang tidak bercanggah dengan ajaran Islam, ianya termasuk dalam kategori kesusasteraan Islam.
2. Kesusasteraan ala-Islami (K-a-I). Kita juga dapati terdapat sesetengah karya yang Islami, sejajar dengan ajaran Islam, tetapi sasterawannya tidak beragama Islam. Jika karya bahagian kedua ini kita golongkan ke dalam kelompok pertama, kita sudah berlaku zalim. Hal ini kerana syarat pertama dan utama untuk menganggap sesuatu perbuatan itu ‘ibadat’ adalah menepati tujuan hamba Allah hidup di dunia yang sementara ini dan seharusnya karyawan itu sendiri seorang Muslim. Dan sekiranya kita menolak sama sekali karya ciptaan insan kumpulan ini, bermakna kita menafikan isi atau mesej yang disurat atau disiratkan dalam karya itu, sedangkan ia memang sejajar dengan ajaran Islam yang sejagat. Jadi, sebagai jalan tengah, Bukhari Lubis menggunakan istilah berkenaan (K-a-I) dengan berpegang kepada ayat 85, Surah Ali ‘Imran, yang bermaksud; “Sesiapa mencari agama selain daripada agama Islam, maka sekali-kali tidak akan diterima (agam itu) daripadanya, dan di Akhirat dia termasuk ke dalam golongan yang rugi.”
3. Kesusasteraan Muslim (KM). Muslim ialah orang yang menganut agama Islam dan menurut Al-Qardhawi, kita tidak boleh sewenang-wenangnya ‘mengkafikan’ seseorang Muslim. Dalam sesetengah keadaan, kita menyandarkan fakta bahawa seseorang itu mewarisi agama daripada ayahnya sahaja. Kita tidak dapat mengukur sejauh mana kuatnya dia berpegang kepada akidah Islamiah, juga tidak dapat kita perhatikan seluruh amal keagamaannya. Jadi, sasterawan/karyawan dalam kelompok ini, sekurang-kurangnya masih menjadi “Muslim baka” atau “Muslim perangkaan”. Namun harus diperhatikan di sini terdapat karyanya yang bercanggah dengan ajaran Islam.

Pelanggaran ini tidaklah sampai merosak akidah pengarang berkenaan, namun, jika dia melanggar atau terlanggar jua, dengan sendiri dia terkeluar dari agama Islam. Bukhari Lubis berpegang pada ijtihad al-Nadwi dalam hal ini, iaitu meskipun seseorang karyawan itu tidak beriltizam dengan Islam dalam gaya hidupnya, namun karyanya masih berasaskan tasawur Islami, hasil penulisan begini boleh dikelompok sebagai KI.

Estetika Dalam Kesusasteraan Islam

Estetika merupakan ciri yang paling pokok dalam kesusasteraan Islam dan seni am. Estetika merupakan kajian teoriti tentang keindahan dan cita rasa dan ianya merupakan satu cabang falsafah. Terdapat pelbagai takrifan estetika namun secara ringkas Dr. Najib Kailani mengumpulkan takrifan itu, antaranya (1) estetika sebagai sesuatu yang dapat menggembirakan seseorang apabila melihat atau mengamati sesuatu objek; (2) ia merupakan janji atau kegembiraan; (3) estetika merupakan satu perkara nisbi (abstrak); dan (4) estetika sebagai satu kemampuan atau kemahiran secara langsung (dunia mata dan telinga) dan bukanlah pengabstrakan yang sunyi daripada kehidupan. Dr. Mishal 'Asi merumuskannya dengan mengatakan bahawa estetika atau keindahan itu merupakan falsafah seni secara umum dan terangkum di dalamnya cipta sastera kerana ia dikira sebagai salah satu jenis kesenian yang indah⁶.

Menurut Bukhari Lubis, terdapat dua perkara dalam konteks keindahan sastera atau cabang-cabang seni yang lain yang mana dapat dirumuskan menerusi pendekatan al-Quran terhadap keindahan itu sendiri. **Pertama** kandungan keindahan yang dizahirkan dalam kitab suci ini dengan memulakan perbincangan di sekitar penciptaan alam, kehidupan, makhluk amnya, manusia dan sebagainya. Kemudian digalakkan indera penglihatan dan pendengaran tertumpu kepada segala yang ada di muka bumi ini. Keindahan Yang Maha Mencipta juga tidak ketinggalan untuk dibincangkan. Apabila dimensi ini direnung secara mendalam, dapat kita simpulkan bahawa keindahan mutlak, menurut pandangan Islam, hanyalah pada Allah. Manakala keindahan pada makhluk hanyalah nisbi.

الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلَقَهُ وَبَدَأَ خَلْقَ الْإِنْسَانِ مِنْ طِينٍ (سورة السجدة: 7)

Ertinya: Yang memperindah segala sesuatu yang Dia ciptakan dan yang memulakan penciptaan manusia daripada tanah.

Insan sebagai makhluk yang indah tetap bertanggungjawab untuk beribadat kepada Tuhan. Dia harus berfikir, berkata, berbuat dan berkarya sesuai dengan statusnya dan sesuai dengan jiwanya yang didorong oleh sifat-sifat keluhuran dan kemurniaan yang berpunca dari Allah sendiri. Daripada al-Quran, dapat kita menggali beberapa tugas manusia seperti memperelok keimanan dan amalan, mengharapkan ganjaran yang lebih baik dan indah daripada-Nya dalam setiap amalan, memperlihatkan keindahan dalam peribadi, memperelokkan dalam berkata-kata (al-Qur'an 2:83), menyeru kepada perkara yang diredhai Allah dan perbuatan yang bermanfaat (al-Qur'an 41:33), bersikap indah terhadap kedua ibu bapa (al-Quran 19:18) dan masyarakat dan seterusnya.

Dalam kehidupan fizikal, insan perlu memperindahkan penampilan dan imej dengan pelbagai cara dalam batas yang ditetapkan oleh nilai dan norma Islam (al-Qur'an 7:32), fungsi

⁶ Lubis, B., 1995, *Nadwah Ketakwaan Melalui Kreativiti*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

berpakaian pula adalah untuk mencantikkan peribadi, namun sebaik-baik pakaian ialah sifat takwa yang meliputi keseluruhan diri (al-Qur'an 7:26 dan 31).

Keindahan di sini sebenarnya mempunyai ciri-ciri ketakwaan, keimanan, kemurniaan, keharmonian, keseimbangan, peraturan dan kesempurnaan. Seluruh hasil kebudayaan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi ini termasuklah mencipta sastera dapat dikatakan indah di sisi Allah (s.w.t) apabila tidak menyanggah peranan pengabdian tadi. Sesungguhnya tiada “keindahan” dalam pengingkaran atau kemaksiatan terhadap Pencipta-Pentadbir itu.

وإذ زين لهم الشيطان أعمالهم وقال لا غالب لكم اليوم من الناس وإني جار لكم (سورة الأنفال: 48)

Ertinya: Dan ketika syaitan menjadikan mereka memandang baik terhadap pekerjaan mereka dan mengatakan: “Tidak ada seorang manusia pun yang dapat mengalahkan kamu pada hari ini adalah pelindungmu.”

Di samping itu, seniman Muslim tidaklah cukup dengan berusaha melahirkan keindahan dalam objek-objek seninya sahaja (keindahan zahir) sahaja sedangkan keindahan inti pati tidak ada dalam dirinya, dalam erti kata lain, dia sendiri tidak memiliki aspek akhlak yang dituntut Islam untuk menjadi manusia Muslim yang sebenarnya. Hal ini timbul apabila Islam gagal dihayati atau difahami pada gambaran yang selengkapnyanya.

Kedua, gaya bahasa al-Quran itu yang merangkumi ke dalam mukjizat al-Quran itu sendiri. Secara ringkasnya, dua dimensi ini disimpulkan sebagai isi dan wahana atau cara isi disampaikan⁷. Dalam konteks seni sastera, wahana untuk menyalurkan keindahan berupa aspek-aspek bahasa, balaghah/retorika dan bentuk atau genre kesusasteraan itu sendiri. Pada hakikatnya, bukanlah mudah untuk mengemukakan unsur-unsur balaghah, khasnya dalam bahasa Arab, yang diangkat sebagai ciri estetika bagi kesusasteraan Islam sejagat. Kesukaran ini disebabkan oleh keadaan sejadi yang ada dalam beberapa bahasa penganut agama Islam itu tidak sama. Maka nilai-nilai estetika tidak dapat diantarabangsakan.

Bukhari Lubis mengangkat penciptaan puisi *mullama'* sebagai contoh yang mengandungi satu aspek yang dikira hebat estetikanya. Puisi ini mengandungi beberapa bait atau *misra'* yang ditulis dalam dua bahasa atau lebih yang mempunyai aksara yang sama. Nilai estetikanya dapat diambil dari segi selain isinya yang indah, *bahar* dan *qafiyah*nya. Ini akan menonjolkan keterampilan pujangga itu. Walaupun begitu, apabila dicipta puisi dalam ejaan jawi dan menggunakan bahasa Arab, Parsi, Turki Osmani dan Melayu misalnya, kriteria *bahar* tadi tidak lagi dapat diangkat menjadi unsur estetika kerana bahasa Melayu, yang bukan bahasa kuantitatif, tidak mempunyai sistem *baharnya*. Oleh itu, kita tidak dapat menjadikannya alasan yang mutlak bagi balaghah Arab. Memang tidak dapat dinafikan adanya aspek yang tidak mungkin dapat diterapkan dalam kesusasteraan kita contoh yang jelas ialah persoalan *bahar* tadi. Balaghah Arab tumbuh dan berkembang disebabkan pengaruh al-Qur'an, sehingga lahir pada peringkat awal lagi subjek yang digelar *balaghatul Qur'an*.

Dapat kita lihat pengajaran balaghah di Kepulauan Melayu sudah pun bermula sejak berabad-abad yang lalu. Namun, sayangnya pengajaran itu ditumpukan atau dikaitkan kepada-ilmu-ilmu Islam dan bahasa/sastera Arab sahaja. Ia tidak dihubungkan kepada apa yang terdapat

⁷ Ibid.


dalam kesusasteraan kita. Berbeza dengan kesusasteraan Islam lain yang menimba bahan daripada balaghah Arab contohnya peranan ulama Parsi bukan sahaja mengungguli balaghah malah bidang-bidang keilmuan Islam yang lain. Dalam sejarah kesusasteraan Turki pula, selain menterjemah buku-buku balaghah Arab, ulama mereka turut “menturkikan” bahagian-bahagian tertentu yang dirasakan perlu⁸.

Hakikat dan Fungsi Sastera

Pada amnya, kesusasteraan Islam dicipta daripada pengalaman Islami dengan bentuk, susunan, dan gaya bahasa serta inti pati Islam. Ianya mestilah berlandaskan akhlak Islamiah yang dihuraikan oleh al-Qur'an dan Hadith. Oleh itu, dapat kita katakan bahawa kesusasteraan Islam itu adalah karya cipta yang mempromosikan ajaran Islam, memuji dan menghargai tokoh-tokoh Islam, mengkritik realiti yang tidak sesuai dengan nilai Islam, serta mengkritik pemahaman Islam yang dianggap tidak sesuai dengan asas-asas yang dikemukakan oleh al-Qur'an dan Hadith. Bukhari tidak dapat menerima konsep atau moto: “Seni untuk Seni” dan “Seni untuk Masyarakat.” Menurutnyanya, kesusasteraan yang tidak ditapis oleh ilmu, atau tidak menjadikan ilmu sebagai paksi kegiatannya, ia tidak mencerminkan peranan kesusasteraan itu sebagai ibadah. Akal perlulah disuburkan dengan ilmu apabila hati diselimuti sinaran iman⁹.

Menurut Bukhari Lubis, terdapat juga pandangan yang tidak boleh dikatakan gagasan apatah lagi teori. Beliau secara peribadi berat untuk menerima frasa Teori Ta'abbudiyah kerana istilah yang mendukung nama teori ini terlalu umum. Istilah ini boleh digunakan dalam sebarang aspek atau tindakan, atau banyak perkara yang boleh dilakukan dengan senang, dikira demi menjalankan ibadat, sehingga menyembelih ayam mengikut rukun-rukunnya boleh dikatakan *ta'abbudi* (kepatuhan demi melakukan ibadat)¹⁰.

Tidak dinafikan bahawa kesusasteraan Islam itu dibenihkan oleh kesusasteraan Arab. Malah ianya tidak bertentangan dengan kesusasteraan Arab. Dengan erti kata lain, kesusasteraan Islam lahir berpunca dari kesusasteraan Arab. Bahasa Arab ini sebenarnya adalah bahasa yang digunakan dalam hal ritual dan peribadatan sehingga bahasa Arab memiliki ikatan yang kukuh dengan bahasa kesusasteraan Islam. Hal ini dapat digambarkan dalam gambar rajah di bawah:



⁸ Lubis, B., 2017, *passim*.

⁹ Ibid.

¹⁰ Ibid.

Kesusasteraan Islam tidak menafikan kesusasteraan Zaman Jahili, Umawi dan Abbasi kerana asas kepada kesusasteraan Islam itu adalah kesusasteraan yang beriltizam pada pendekatan dan metode yang berpaksikan Islam dan bersumberkan al-Qur'an dan Hadith. Kesusasteraan Islam memahkotakan nilai Islam yang beriltizam kepada ajaran-ajaran Islam dan tidak terikat kepada batas waktu dan period tertentu. Nilai-nilai keindahan atau estetika yang terdapat di dalam kesusasteraan Islam itu hendaklah berlandaskan akhlak yang mulia agar faedah kesusasteraan Islam itu akan kembali kepada masyarakat Muslim itu sendiri.

Menurut Bukhari, kesusasteraan Islam berperanan dalam persamaan hak dan kemajuan sumber daya manusia. Adakalanya pihak berwibawa agama mula menjadi lemah dalam kehidupan, dan pada masa yang sama, akal budi manusia banyak terpengaruh dengan anasir barat. Maka ketika ini, kesusasteraan perlulah mempunyai ciri-ciri tersendiri yang tetap berpegang teguh kepada nilai dan ajaran agama agar kesusasteraan dapat menyumbang kepada kebaikan dan membimbing manusia kepada tingkah laku berdasarkan al-Qur'an dan Hadith. Hal ini sangatlah perlu diberikan perhatian agar kesusasteraan tidak menjadi seperti lalang yang mengikut arah angin tanpa ada pendirian yang tetap.

Bukhari juga menekankan hubungan kuat antara kesusasteraan Islam dengan akidah kerana akidah menurutnya memiliki kesan dan pengaruh yang begitu besar dalam membentuk psikologi individu dan masyarakat, serta mengatur kehidupan dalam segala jenis bentuknya. Kesusasteraan Islam harus dimulakan dengan akidah Islamiah yang kukuh dan ianya ibarat benteng kepada seorang Muslim dalam segala aspek kehidupan agar tidak melampaui batas dan dapat bergaul dengan manusia lain dengan baik. Seiring dengan seruan al-Qur'an dalam surah Ibrahim ayat 24 yang bermaksud: "Perumpaan Allah kepada kalimah yang baik ialah seperti pokok yang baik dan asalnya(akarnya) teguh dan cabangnya menjulang ke langit, menghasilkan buah dengan izin tuhan-Nya dan demikianlah perumpaan Allah kepada manusia semoga mereka beroleh peringatan".

Kecenderungan Pandangan di Sekitar Kesusasteraan Islam

Bukhari membahagikan kecenderungan pandangan di sekitar kesusasteraan Islam kepada dua kelompok. Pertama, kecenderungan bagi pihak yang sangat berpegang kuat pada prinsip-prinsip moral dan agama. Kedua, kelompok yang mahu membebaskan diri daripada sekatan politik dan moral(agama dan sebagainya)¹¹. Kelompok pertama terdiri daripada para ahli sastera dan sasterawan yang bertegas dan berpegang kepada tauhid, akhlak, dan sejarah Islam menjadi asas kepada kesusasteraan Islam. Mereka berpendapat kesusasteraan Islam haruslah membawa mesej ibadah dan dakwah Islamiah. Hal ini dilihat untuk menjaga mutu kesusasteraan Islam itu sendiri agar tidak diselewengkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Mereka tidak terlalu memperdulikan paradigma dan fahaman-fahaman Barat yang melihat kesusasteraan adalah sebahagian kecil dalam ajaran Islam, sedangkan Islam berperanan sebagai ibadah dan dakwah. Oleh itu, amatlah penting karyawan dari kelompok ini untuk menguasai pengetahuan yang sewajarnya tentang pelbagai ajaran Islam dan perlambangannya. Bagi mereka, kesusasteraan Islam itu hendaklah dikarang oleh 'Muslim' sejati dan memuatkan ajaran Islam, dalam genre prosa dan puisi dan mengutamakan peranan kesusasteraan itu supaya mengajak dan menggalakkan kepada kebaikan di samping mencegah daripada kemungkaran dan perbuatan tercela.

¹¹ Ibid.

Golongan kedua pula agak bertentangan dengan golongan pertama iaitu terdiri daripada ahli sastera dan sasterawan yang menekankan bahawa kesusasteraan Islam itu hendaklah menjunjung misi kemanusiaan dan kebudayaan secara universal, seusai dengan hakikat Islam itu sendiri yang bersifat sejagat. Pada amnya, kebanyakan sasterawan dalam kelompok ini adalah mereka yang pernah menimba ilmu dan pengalaman di negara-negara Barat. Mereka menekankan, kesusasteraan Islam perlu dibebaskan dari perlambangan tekstual dalam karya cipta dan ianya perlu dilihat secara objektif hanya dari kewujudan teks sahaja, bukan dari misi dan perutusan yang dibawa oleh si karyawannya itu kerana kesusasteraan merupakan apa yang dibaca dalam teks, bukan siapa yang menulis teks itu. Sasterawan atau penulis hanyalah wadah dari isi kesusasteraan¹². Mereka bersikap terbuka dengan isi kandungan kesusasteraan itu yang boleh terdiri daripada apa sahaja, termasuk hal-hal sosial masyarakat Muslim yang hidup di alam kemodenan ini. Maka menurut mereka, kesusasteraan Islam tidak wajar menyampaikan perihal yang baik-baik sahaja, sesuai dengan ajaran agama yang dianuti, sebaliknya boleh mengemukakan perihal kelemahan, kekurangan, ketercelaan, dan keburukan masyarakat Muslim yang menjadi kenyataan sosial.


Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, Bukhari Lubis menekankan banyak aspek untuk menghasilkan kesusasteraan Islam baik dari segi zahir mahupun batin. Beliau berpendapat seharusnya ada keseimbangan dalam kegiatan bersastera antara estetika dan etika (akhlak). Menurutnya, estetika dan etika diibaratkan sebagai sepasang sayap kapal terbang. Jika salah satu rosak, maka gagallah tujuan sampai ke destinasi. Pincanglah karya itu. Jika karya tidak mengandungi akhlak (unsur ketakwaan yang juga selari dengan keindahan dari segi isi), dan ditekankan kepada keindahan (wahana) semata-mata, ia laksana berlian palsu yang tidak mampu menggetarkan hati dan kalbu insan. Sebaliknya, jika ada karya itu tetapi gersang estetikanya, maka ia bagai kuntum-kuntum mengelopak di lembah kering¹³! Kesusasteraan Islam mestilah diletakkan pada kedudukan yang tinggi, kerana kedudukan agama Islam itu sendiri sangat tinggi dan mulia. Bukanlah dinamakan kesusasteraan Islam apabila kesusasteraan menjadi wahana dan perantaraan oleh sang pengarang untuk menipu dirinya sendiri, seperti tidak mempedulikan keindahan bahasa, apatah lagi menggunakan perkataan yang kesat, kasar, malah ada yang mencarut. Tidak dinafikan pengarang mempunyai kebebasan mutlak dalam mengungkapkan imaginasi dalam karyanya, dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengekangnya, selagi dia bertapak pada ajaran-ajaran Islam yang lurus. Dari sini, dapat kita jadikan usaha bersastera sebagai ibadah dan itulah matlamat Muslim di dunia ini. Cuma ibadah di sini dikelompokkan ke dalam ibadah umum, dikira ibadah setelah pasti niat melakukannya bersih menurut ajaran Islam, dan cara pelaksanaannya pula tidak melanggar perintah Islam.

¹² Lubis, B., 2017, *passim*.

¹³ Lubis, B., 1995, *passim*.

KONSEP SASTERA ISLAM MENGIKUT BUKHARI LUBIS DALAM BENTUK CARTA



Rujukan

- Lubis, B., 1995, *Nadwah Ketakwaan Melalui Kreativiti*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Lubis, B., 2017, *Kesusasteraan Islami Bandingan: Menyingkap Tabir Mengungkap Fikir*, Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjong Malim, Perak.
- Lubis, B., 4 Mac, 2018,. *Teori Sastera Islam Bukhari Lubis*. (A. Hayati, Interviewer)
- Utusan Melayu, 29 Oktober 2017, <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastera/gagasan-kesusasteraan-islami-bandingan-profesor-emeritus-dr-bukhari-lubis-1.544598#ixzz5D4N1Y06v>
- Yaacob, A., 2009, *Manaahij Al-Adab Al-Islami indal Udaba' Al-Malayuwiyyin wal Arab (Bahasa Arab)*, IIUM Press, Gombak.